



BULETIN
KERJA RAYA



JILID 01/2013

JAN - FEB 2013

ISSN : 1985-4595

www.kkr.gov.my

- **TAMBAHAN RM35 JUTA
PERMULIHAN BLACKSPOT**
- **KEPERLUAN PBT TUBUH
UNIT CERUN**
- **PROJEK CSR MENGIKUT
JADUAL**

**KONTRAKTOR PERLU
BERTANGGUNGJAWAB**

Sidang Redaksi

Penasihat

Y.Bhg. Datuk Himmat Singh
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Ketua Pengarang

En. Devaraj Subramaniam

Pengarang

En. Mohd Rizal bin Hashim
En. Fauzi bin Baharudin
Pn. Aisah binti Ghazali

Fotografi

En. Rosdin bin Sabni
Jurufoto, Unit Komunikasi Korporat
Unit Perpustakaan &
Sumber Jabatan Kerja Raya

Reka Bentuk/Pencetak

OMR Press Sdn. Bhd.
Tel: 03-8024 6396

Urusetia

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kerja Raya

Sidang Redaksi mengalu-alukan sebarang sumbangan artikel dan pandangan yang membina bagi mengemaskini serta mempertingkatkan lagi mutu penerbitan Buletin Kementerian Kerja Raya. Sumbangan artikel boleh dialamatkan kepada:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Kerja Raya,
Tingkat 6, Blok B, Kompleks Kerja Raya,
Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur.

Tel : 03-2771 4616 / 4619
Faks : 03-2711 1101
E-mel : pro@kk.gov.my
www.kkr.gov.my

Minda Pengarang

Kontraktor Perlu Bertanggungjawab

Menteri Kerja Raya, YB. Dato' Seri Shaziman Abu Mansor telah menyampaikan amanat kepada para kontraktor semua peringkat (kelas) yang bakal melaksanakan kerja penyenggaraan jalan persekutuan supaya bertanggungjawab terhadap kerja yang mereka lakukan. Beliau berkata demikian sewaktu Majlis Pelaksanaan Kerja Undi Penyenggaraan Jalan Persekutuan, bertempat di pejabat JKR Pahang, Kuantan.

"Saya berharap kontraktor-kontraktor kecil tidak menisaiakan peluang yang diberikan ini. Gunakan lah peluang ini untuk memajukan diri ke tahap yang lebih tinggi. Laburkan lah sebahagian daripada keuntungan untuk mempertingkatkan kemampuan termasuk menambah peralatan dan kemahiran.

Laksanakan tanggungjawab dengan baik. Buktikan saudara benar-benar komited untuk memastikan setiap projek yang diamanahkan dilaksanakan dengan baik," ujar beliau.

Semoga pihak kontraktor dapat mengambil intipati yang telah disampaikan oleh pihak pengurusan atasan dalam melayari tahun 2013 ini dengan penuh keazaman dan iltizam tinggi dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

"Ke arah Kesejahteraan Rakyat"

~Pengarang~


Warga Kementerian Kerja Raya
mengalu-alukan kedatangan

YBhg. Encik Sarani bin Dollah
Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)
Kementerian Kerja Raya
Pada 4 Mac 2013





MAJLIS SAMBUTAN TAHUN BARU CINA 2013 KKR



KUALA LUMPUR, 26 Februari – Majlis sambutan Tahun Baru Cina 2013 peringkat Kementerian Kerja Raya (KKR) telah diadakan bertempat di Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid tengahari ini. Acara dimulakan dengan ketibaan Menteri Kerja Raya, YB. Dato' Seri Shaziman Abu Mansor yang diiringi kumpulan tarian singa ke dalam dewan.

Timbalan Menteri Kerja Raya, YB. Dato' Yong Khoo Seng kemudiannya telah menyampaikan ucapan dan mengakhirinya dengan mengucapkan Selamat Tahun Ular kepada para tetamu yang hadir. Majlis diteruskan dengan semua hadirin menggaul 'Yee Sang' sebagai tanda bermulanya tahun yang makmur.

Pada sepanjang majlis ini, para hadirin telah dihiburkan dengan persembahan kebudayaan kaum cina seperti tarian singa, orkestra cina dan permainan yoyo cina atau *diablo* oleh sejumlah 38 orang pelajar daripada Sekolah Menengah Hua Hin, Klang. Turut hadir bersama ialah YBhg. Datuk Himmatt Singh, Ketua Setiausaha Kementerian dan pegawai-pegawai atasan Kementerian dan Agensi.





KERAJAAN LULUS PERUNTUKAN TAMBAHAN BAIKI JALAN BERISIKO KEMALANGAN

KUANTAN, 14 Februari – Kerajaan menambah peruntukan RM35 juta kepada Kementerian Kerja Raya bagi membaiki kawasan serta laluan berisiko berlaku kemalangan di jalan persekutuan di seluruh negara. Menteri Kerja Raya, YB. Dato' Seri Shaziman Abu Mansor berkata, peruntukan itu yang kesemuanya berjumlah RM60 juta akan diagihkan bagi menyelenggara 114 kawasan berisiko kemalangan baru di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Peruntukan itu katanya, diluluskan oleh Perdana Menteri, YAB. Datuk Seri Najib Tun Razak setelah beliau melihat impak positif penurunan kadar kemalangan di beberapa kawasan 'hitam' atau *blackspot* yang telah diselenggara oleh kementerian itu sebelum ini.

"Sebelum ini kami sudah menerima peruntukan RM25 juta untuk melaksanakan kerja berkaitan, dan peruntukan tambahan ini diumumkan Perdana Menteri Khamis lalu. Ia diluluskan setelah beliau berpuas hati melihat data-data yang dikeluarkan oleh kementerian hasil informasi Polis Diraja Malaysia menunjukkan penurunan kemalangan di kawasan-kawasan *blackspot* yang telah dikenal pasti amat memberangsangkan setelah kerja-kerja penyelenggaraan dijalankan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis perasmian Pelaksanaan Kerja Undi Pusingan ke-3 Penyelenggaraan Jalan Persekutuan, di sini hari ini. Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian YBhg. Datuk Himmat Singh dan Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri, YBhg. Datuk Ir Rosman Yahya.

Menteri Kerja Raya berkata kerja-kerja penyelenggaraan dan baik pulih 114 kawasan tersebut akan dimulakan bulan depan dan kebiasaannya mengambil masa empat hingga lima bulan untuk siap diperbaiki. Dalam pada itu beliau turut berpuas hati dengan kerja penyelenggaraan

jalan persekutuan yang dilakukan kontraktor kecil dan berharap kontraktor yang menerima kontrak daripada kementerian dapat melaksanakannya tanggungjawab tersebut dengan efisien.

"Pusingan pertama kerja penyelenggaraan jalan persekutuan membabitkan peruntukan RM37.4 juta dilancarkan Julai tahun lalu di Alor Setar, Kedah menyaksikan semua kerja diberikan kepada kontraktor terpilih disiapkan dalam tempoh ditetapkan.

"Begitu juga dalam pusingan kedua yang dilancarkan November lalu di Ipoh, Perak. Semua kontrak bernilai RM52 juta sedang giat dijalankan dan dijangka siap penghujung Mei ini," katanya. Beliau berkata, pusingan ketiga membabitkan 262 projek bernilai RM18 juta dilancarkan serentak semalam di seluruh negara dan dijangka siap hujung tahun ini. – Bernama



PELEBARAN LORONG KE-4 PLUS DAN NKVE DEMI KESELESAAN PENGGUNA



SEREMBAN, 4 Februari – Syarikat konsesi Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) sedang menaik taraf lorong sediaada daripada tiga (3) lorong kepada empat (4) lorong di laluan dari Persimpangan Shah Alam – Rawang – Jalan Duta dan Persimpangan Nilai (U) – Persimpangan Seremban/Port Dickson. Ini melibatkan jarak sejauh 63.3 kilometer di Lebuhraya Utara Selatan (E1) dan Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE-E2).

Sehubungan itu, Menteri Kerja Raya, YB. Dato' Seri Shaziman Abu Mansor telah mengadakan lawatan kerja ke kawasan hentian Rehat dan Rawat Seremban (Arah Selatan) hari ini dan telah diberikan taklimat Projek oleh YBhg. Dato' Ir. Haji Ismail bin Md. Salleh, Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM). Projek yang terbahagi kepada 5 pakej ini telah dimulakan pada 6 Julai 2012 dan kerja-kerja utama yang sedang dijalankan di tapak adalah seperti kerja tanah, sistem saliran, penstabilan cerun, pemindahan utiliti dan pelebaran struktur jambatan .

Pelebaran lorong ini akan menambahbaik kualiti perjalanan dan meningkatkan kapasiti trafik daripada 180,000 kenderaan sehari, iaitu "Level Of Service" (LOS) F sewaktu musim perayaan dan waktu puncak, kepada 220,000 kenderaan sehari iaitu LOS C. Pada lawatan ini juga, YB. Menteri turut mengumumkan Program Diskaun dan Rebat Tol Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya sempena Perayaan Tahun Baru Cina bagi Tahun 2013. Sebanyak 24 lebuhraya terlibat dalam program ini yang merupakan kesinambungan kepada program CSR syarikat-syarikat konsesi sebelum ini iaitu Hari Raya Aidilfitri, Deepavali, Krismas dan Sambutan Hari Kemerdekaan.



PROGRAM KESEDARAN, KESELAMATAN DAN PEMBUDAYAAN ICT LLM



KAJANG, 5 Februari – Program Kesedaran, Keselamatan dan Pembudayaan ICT Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) telah diadakan bertempat di Dewan Serbaguna LLM hari ini. Program ini bertujuan untuk memberi kesedaran akan kepentingan Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (DKICT) kepada warganya.

DKICT LLM mengandungi peraturan-peraturan yang mesti dibaca dan dipatuhi dalam menggunakan aset teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) LLM. Dasar ini juga menerangkan kepada semua pengguna di LLM mengenai tanggungjawab dan peranan mereka dalam melindungi aset ICT LLM.

Program yang berlangsung selama sehari ini telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya (KKR), YBhg. Datuk Himmat Singh. Antara acara yang diatur adalah pelancaran aplikasi HAQS dan SPPL versi 2 LLM, slot ceramah, kuiz dan pameran berkaitan ICT.



LAWATAN KERJA MENTERI KERJA RAYA KE TAPAK PUSINGAN U BERTINGKAT LEBUHRAYA KESAS



SUBANG JAYA, 14 Januari - Menteri Kerja Raya, YB. Dato' Seri Shaziman Abu Mansor telah mengadakan lawatan kerja ke tapak pembinaan pusingan U bertingkat di Kilometer 37.5 Lebuhraya Shah Alam (KESAS) hari ini bagi meninjau kemajuan kerja pembinaannya.

Menurut beliau, projek tersebut dibuat bagi melegakan kesesakan lebuhraya yang kini mencecah sehingga 9,500 kenderaan satu jam pada waktu puncak. Kementerian Kerja Raya telah memperuntukkan sebanyak RM25 juta kepada syarikat konsesi KESAS pada Oktober 2011 untuk projek tersebut.



Pada lawatan itu juga, YB. Menteri turut mengumumkan penstrukturan semula kadar tol bagi semua jenis kenderaan di Lebuhraya KESAS di semua empat plaza tol lebuhraya iaitu Awan Besar, Sunway dan Kemuning yang akan memanfaatkan kira-kira 290,000 pengguna sekitar Shah Alam, Petaling Jaya, Subang Jaya dan Klang.





RM106 JUTA DIPERUNTUK BAIK PULIH JALAN PERSEKUTUAN ROSAK AKIBAT BANJIR

MARAN, 11 Januari - Kementerian Kerja Raya memperuntukkan RM106.6 juta dalam tempoh Oktober 2012 hingga 5 Januari lepas untuk membaik pulih dan menyelenggara jalan raya persekutuan yang rosak akibat banjir baru-baru ini.

Menteri Kerja Raya, Dato' Seri Shaziman Abu Mansor berkata ekoran banjir yang melanda baru-baru ini, Kementerian menerima banyak laporan daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) negeri mengenai jalan raya rosak terutama di pantai timur. "Kementerian juga turut memohon kepada jemaah menteri agar meningkatkan jumlah peruntukan bagi membiayai kos membaik pulih jalan-jalan yang terjejas terutama di Terengganu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas meninjau kerja baik pulih jalan yang rosak akibat banjir di Jalan Kuantan-Maran, dekat Kampung Luit, di Kuantan semalam. Turutnya lagi, Kementerian juga menerima

peruntukan sebanyak RM150 juta tahun ini untuk membaik pulih 184 saluran pembetung di jalan-jalan persekutuan di seluruh negara.

"Kami akan tukar saluran baharu dan mana-mana saluran yang kecil kita akan besarkan terutama di kawasan yang berisiko menghadapi banjir kilat bagi mengelak risiko jalan rosak dan mendap," katanya.

Beliau berkata kerja-kerja baik pulih jalan raya persekutuan yang terjejas sedang giat dijalankan oleh pihak konsesi untuk memastikan aliran trafik di kawasan terlibat tidak terjejas. "Kami akan bagi tempoh kepada syarikat konsesi sehingga Mac ini untuk menyiapkan kerja-kerja baik pulih terutama di kawasan aliran trafik yang tinggi. Ini bagi memastikan keselamatan terhadap pengguna jalan raya di laluan berkenaan tidak terjejas," katanya. Beliau turut berkata Kementerian juga bersedia untuk menaikkan aras jalan Jerangau-Jabor yang sering dinaiki air pada musim hujan.





SHAZIMAN GESA PBT TUBUH UNIT CERUN, PANTAU KEJADIAN TANAH RUNTUH

SERDANG, 6 Januari - Kementerian Kerja Raya hari ini menggesa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menubuhkan unit cerun bagi memantau kejadian tanah runtuh di negara ini.

Menterinya, Dato' Seri Shaziman Abu Mansor, berkata hanya sebilangan kecil saja PBT yang mempunyai unit cerun sendiri termasuk Jabatan Kerja Raya (JKR).

"Kita sangat memerlukan lebih ramai pakar geologi yang dapat memantau keadaan cerun. Buat masa ini hanya 34 pakar geologi di JKR...itu pun tidak mencukupi kerana perlu memantau seluruh negara

"Malah, antara PBT yang dilengkapi dengan unit seperti ini ialah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).



"Kami sudah mengenal pasti 21,000 cerun yang perlu dipantau, iaitu membabitkan pemantauan aspek kestabilannya pada setiap masa", katanya ketika ditemui selepas meninjau keadaan tembok runtuh di Universiti Putra Malaysia di sini, hari ini.

Beliau berkata, kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sudah meluluskan garis panduan bagi pembinaan bangunan di kawasan cerun.

"Saya berpendapat bahawa garis panduan ini boleh dilengkapkan lagi dengan unit pemantauan cerun sendiri khususnya kepada PBT yang mempunyai penempatan tinggi", katanya.

Dalam kejadian jam 6.15 petang semalam, tembok penghadang berukuran enam meter dengan ketinggian dua meter runtuh sehingga mengakibatkan tujuh motosikal milik pelajar Kolej Serumpun UPM rosak teruk.



PEMBINAAN PROJEK CENTRAL SPINE ROAD MENGIKUT JADUAL



LIPIS, 21 Februari – Menteri Kerja Raya, YB. Dato' Seri Shaziman Abu Mansor telah mengadakan lawatan kerja ke Pakej 3: Gua Musang – Kampung Relong, Projek Central Spine Road (CSR) bagi meninjau kemajuan kerja pembinaannya dan beliau berpuas hati kerana projek ini berjalan mengikut jadual.

Projek CSR yang menghubungkan Kuala Krai di Kelantan dengan Simpang Pelangai di Pahang sejauh 390 kilometer ini dibahagikan kepada enam pakej dan selepas projek ini siap kelak, tempoh masa perjalanan daripada Kuala Lumpur ke Kota Bharu, Kelantan dapat disingkatkan kepada hanya empat jam berbanding lapan jam ketika ini. Pembinaan CSR ini memberi keutamaan kepada kawasan-kawasan yang kerap berlaku kemalangan dan projek ini di jangka siap pada awal Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12).

Menurut Menteri Kerja Raya, pembinaan CSR ini turut menarik perhatian Jabatan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), serta mendapat pujian pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tempatan dan luar negara kerana membina laluan haiwan melintas di bawah tiga buah jambatan yang dikenali sebagai *Eco-Bridge* sepanjang 1.35 kilometer kerana ia terletak di antara Banjaran Titiwangsa dan Taman Negara.



PROJEK NAIKTARAF JALAN MEMPERCEPATKAN PEMBANGUNAN DI BINTULU



BINTULU, 7 Januari – Timbalan Menteri Kerja Raya, YB. Dato' Yong Khoo Seng telah mengadakan lawatan kerja dan menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pemantauan Projek-projek Kementerian Pelanggan yang Berstatus Lewat Jadual dan Sakit Bil. 1/2013 bagi Negeri Sarawak.

Mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan isu dan masalah projek-projek Kementerian Pelanggan yang berstatus lewat jadual dan sakit di negeri Sarawak. Turut dibincangkan ialah langkah-langkah penyelesaian masalah berkaitan projek tersebut. Antara yang turut serta di dalam mesyuarat ialah para pegawai daripada Kementerian Kerja Raya (KKR) serta wakil daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) Persekutuan dan Cawangan Bintulu.

Dalam lawatannya, YB. Timbalan Menteri telah melawat tapak Projek Penjara Baru Bintulu di mana Kementerian Dalam Negeri (KDN) adalah Kementerian Pelanggan. Selepas itu, beliau telah melawat Projek Naiktaraf Lebuhraya Pan Borneo (Jalan Selangau-Bintulu) bagi melihat dengan lebih dekat status kerja yang dilakukan.

Lawatan diteruskan pada keesokan harinya ke Projek Naiktaraf Jalan dari Tanjung Kidurong ke Samalaju Industri Park (SIP), Bahagian Bintulu. Jalan ini adalah Jalan Utama yang menghubungkan Bintulu ke Samalaju dan berlaku peningkatan jumlah kenderaan berat serta aliran trafik yang semakin meningkat kesan daripada pembangunan pesat di kawasan Industri Samalaju. Status projek ini ialah Projek baru yang diluluskan dalam *Rolling Plan* ke-3.





20,000 PENGGUNA LEBUHRAYA SILK MENERIMA FAEDAH PEMBINAAN TEROWONG

KAJANG, 29 Januari – Timbalan Menteri Kerja Raya, YB. Dato' Yong Khoo Seng berkata, Kerajaan telah meluluskan pembinaan terowong (*underpass*) dan jalan sambungan melintasi Taman Kajang Utama di Lebuhraya Lingkaran Kajang (SILK) dengan peruntukan sejumlah RM30 juta sewaktu mengadakan lawatan kerja ke tapak cadangan di KM20.5 Lebuhraya SILK hari ini.



Tempoh pembinaan terowong dan jalan sambungan ini dianggarkan selama 27 bulan mulai suku pertama 2013 termasuk tempoh pengambilan tanah dan dijangka akan siap pada suku kedua 2015. Panjang terowong adalah 33 meter manakala jalan sambungan adalah sepanjang 675 meter.

Pembinaan terowong dan jalan sambungan ini akan menyediakan akses terus masuk/keluar Taman Kajang Utama dan penduduk tidak lagi perlu membuat pusingan U yang terletak sejauh 2km sebelum Plaza Tol Bukit Kajang dari kedudukan asal laluan tersebut yang menjadikan perjalanan ulang-alik bertambah kepada 4km.

Pembinaan terowong ini akan memberi faedah kepada 20,000 pengguna dengan memendekkan tempoh perjalanan penduduk dan menjimatkan kos perjalanan serta memudahkan pergerakan penduduk setempat.





PERHIMPUNAN BULANAN KKR

KUALA LUMPUR, 29 Januari – Warga Kementerian Kerja Raya (KKR) diingatkan supaya menerapkan budaya produktiviti, kreativiti dan inovasi (PCI) serta amalan kerja yang cepat, tepat dan berintegriti (CTI) selaras hasrat YAB. Perdana Menteri Malaysia.

Menteri Kerja Raya, YB. Dato' Seri Shaziman Abu Mansor berkata demikian sewaktu Perhimpunan Bulanan KKR. Teks ucapan beliau dibacakan oleh YBhg. Datuk Himmat Singh, Ketua Setiausaha Kementerian bertempat di Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid hari ini. Pada perhimpunan ini, kakitangan KKR telah bersama-sama berkongsi amanat dan informasi daripada pihak pengurusan atasan.

Beliau sekali lagi menyeru kepada semua warga Kementerian ini supaya berpadu tenaga dalam merealisasikan segala perancangan yang telah dibuat.

"Kita mempunyai tanggungjawab yang besar bagi memastikan negara kita berada di atas landasan yang tepat dalam melaksanakan aspirasi nasional," katanya di hadapan 800 hadirin yang terdiri daripada warga KKR, dan wakil daripada Jabatan dan Agensi.





MAJLIS 'SECANGKIR KOPI' BERSAMA PENAUNG DAN PENASIHAT PUSPANITA KKR

KUALA LUMPUR, 19 Februari – Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) Cawangan Kementerian Kerja Raya (KKR) telah menganjurkan Majlis 'Secangkir Kopi' bersama Penaung dan Penasihat, bertempat di Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid petang hari ini.

Majlis ini merupakan salah satu daripada aktiviti PUSPANITA dan istimewanya penganjuran kali ini ialah ia diadakan bagi meraikan persaraan Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KKR yang juga Pengerusi PUSPANITA Cawangan KKR iaitu YBhg. Puan Sri Dato' Zaiton binti Mhad Ali.

Majlis yang bertemakan pakaian merah jambu dan biru ini dimulakan dengan ucapan oleh YBhg. Datuk Himmat Singh, Ketua Setiausaha Kementerian yang juga merupakan Penasihat PUSPANITA Cawangan KKR. Para hadirin seterusnya dihiburkan dengan persembahan oleh ahli PUSPANITA daripada KKR, Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Pembangunan Industri Binaan (CIDB) dan ahli PUSPANITA Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM).



SAMBUTAN MAULIDUR RASUL KKR 2013



KUALA LUMPUR, 30 Januari – Sambutan Maulidur Rasul peringkat Kementerian Kerja Raya (KKR) telah diadakan di Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid, Kompleks Kerja Raya hari ini bersempena mengingati kelahiran junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W.

Sambutan dimulakan dengan perarakan warga KKR, Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) yang berselawat bermula dari perkarangan Blok A Kompleks Kerja Raya ke Dewan melalui Jalan Sultan Salahuddin. Turut meraikan perarakan ini ialah YBhg. Dato' Haji Nasir bin Mat Dam, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) dan YBhg. Dato' Ir. Haji Ismail bin Md. Salleh, Ketua Pengarah LLM.

Acara diteruskan di dalam Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid dengan bacaan ayat suci Al-Quran, persembahan qasidah dan selawat oleh para pelajar Madrasah Al-Yamani, Kampung Baru, Kuala Lumpur. Para hadirin juga turut sama-sama berkongsi ilmu melalui ceramah yang disampaikan oleh Ustaz Don Daniyal Don Biyajid, seorang penceramah bebas yang bertemakan "Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah". Sambutan ini diakhiri dengan para hadirin berselawat beramai-ramai diketuai oleh Ustaz Ahmad Al-Yamani. Dianggarkan lebih 800 warga KKR turut serta dalam program ini.



An end to hardship for 1,000 villagers

SEKUALA KEBANGSAI: More than 1,000 villagers in the Kuala Selat area are expected to benefit from the completion of a road project in the area.



More than 1,000 villagers in the Kuala Selat area are expected to benefit from the completion of a road project in the area.

Penduduk gembira jalan diturap

SUNGAI BESAR - Penduduk di Part 1 Timur menyambut baik lagi masalah jalan rusak dan bertafel di hadapan mereka sebelum ini di bawah Jabatan Kerja Raya (JKR) pada masa lalu.

Penduduk, Mohd Anwar Hazi Mawani, 27, berkata, kejayaan JKR memurag secara total lapangan dapat mengatasi risiko keselamatan di labuan yang sering digarap dengan bekerman.

"Jalan berburukan sebelum ini berada dalam keadaan teruk serta bertafel, malah banyak mengundang polutan debu kepada pengguna laluan setempat."

"Seperti ini, tidak akan lagi bertafel dalam labuan yang membolehkan lagi jalan yang telah lama teruk lantak kepada Orang Melayu."

Kadar tol Kesas turun antara 10 sen, 40 sen

PUTRAJAYA - Kadar tol Kesas akan diturunkan antara 10 sen dan 40 sen bermula 1 Januari 2013. Keputusan ini dibuat oleh Lembaga Lebuhraya Kuala Lumpur (LLKLU) dan Lembaga Lebuhraya Pantai Timur (LLPT).

Kadar tol Kesas akan diturunkan antara 10 sen dan 40 sen bermula 1 Januari 2013. Keputusan ini dibuat oleh Lembaga Lebuhraya Kuala Lumpur (LLKLU) dan Lembaga Lebuhraya Pantai Timur (LLPT).

RM106m to repair damaged roads

GOVT FUNDED: Eight states hit by floods recently to benefit from allocation.

PUTRAJAYA - The federal government has approved a RM106 million allocation to assist eight states hit by floods recently to repair damaged roads.

The states are Kedah, Perlis, Terengganu, Kelantan, Pahang, Sabah, Sarawak and Johor.

The allocation is part of the government's commitment to assist states hit by floods recently to repair damaged roads.

Baru RM5 juta

Baru RM5 juta dapat kemudahan baru dalam sebulan jika dirunding terus.

Baru RM5 juta dapat kemudahan baru dalam sebulan jika dirunding terus.



A woman, possibly a politician or official, speaking at a podium.

Kesas toll rates down

PUTRAJAYA - Kesas toll rates will be reduced by 10 to 40 sen from 1 January 2013.

The decision was made by the Lembaga Lebuhraya Kuala Lumpur (LLKLU) and Lembaga Lebuhraya Pantai Timur (LLPT).

Tol Kesas turun 33 peratus

PUTRAJAYA - Kadar tol Kesas akan diturunkan 33 peratus bermula 1 Januari 2013.

Keputusan ini dibuat oleh Lembaga Lebuhraya Kuala Lumpur (LLKLU) dan Lembaga Lebuhraya Pantai Timur (LLPT).

RM35j baiki kawasan hitam

PUTRAJAYA - RM35 juta akan digunakan untuk memperbaiki kawasan hitam di seluruh negara.

Keputusan ini dibuat oleh Kementerian Kerja Raya.

RM35.8j hasil lebuhraya

PUTRAJAYA - Hasil lebuhraya akan berjumlah RM35.8 juta pada tahun 2013.

Keputusan ini dibuat oleh Lembaga Lebuhraya Kuala Lumpur (LLKLU) dan Lembaga Lebuhraya Pantai Timur (LLPT).

kini di laluan

kini di laluan Helping THE PEOPLE

kini di laluan Helping THE PEOPLE

Pinang f

AMBILAN - Pinang f... (text partially obscured)

20,000 penduduk dapat manfaat

PUTRAJAYA - 20,000 penduduk akan mendapat manfaat dari projek ini.

disaran pantau

disaran pantau SKVE 90% completed

disaran pantau SKVE 90% completed

Rebat tol hingga 37.5%

PUTRAJAYA - Rebate tol hingga 37.5% akan diberikan kepada pengguna tol.

Keputusan ini dibuat oleh Lembaga Lebuhraya Kuala Lumpur (LLKLU) dan Lembaga Lebuhraya Pantai Timur (LLPT).

gi pampasan

gi pampasan (text partially obscured)

gi pampasan

gi pampasan (text partially obscured)



ISSN 1965-4595
9771985459008

Malaysia
Kementerian Kerja Raya
5 Bintang